



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU BUAH KURMA TERCEMAR DENGAN LIPAS DAN KUMBANG

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berita yang menular di laman media sosial berkaitan buah kurma yang tercemar dengan lipas dan kumbang. KKM memandang serius berhubung isu ini dan meningkatkan pemantauan ke atas produk kurma di pasaran tempatan serta di pintu masuk bagi memastikan makanan berkenaan adalah selamat.

Di samping itu, KKM ingin menasihati pengguna dan orang ramai untuk menggunakan hak dan kuasa pembeli dalam memastikan produk makanan yang dibeli adalah bersih dan selamat. Pengguna juga disaran membaca label serta mengamalkan **lihat, hidu dan rasa** sebelum menikmati makanan bagi mengelakkan memakan makanan yang telah rosak atau tercemar.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti

Makanan www.facebook.com/bkkmhq jika terdapat sebarang aduan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan.

Selamat menjalani ibadah berpuasa dan berbuka puasa kepada semua Umat Islam.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 Mei 2017